

Kikis kerenah birokrasi: Mahathir

Oleh Izman Ismail

24 JUL 1993

KUALA LUMPUR, Jumaat — Negara memerlukan kestabilan politik, Persyarikatan Malaysia serta organisasi yang berdisiplin dalam usaha menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, ketiga-tiga faktor itu hanya mampu dicapai jika pentadbir, pengurus dan kerajaan bergerak seiring serta mempunyai komitmen untuk membawa negara menempuh abad ke-21.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mahu pentadbir mengikis kerenah birokrasi yang hanya mengutamakan undang-undang dan peraturan sehingga menghalang perkembangan perniagaan dan perusahaan.

"Lagi pun, kita perlu ingat bahawa kekayaan negara bergantung kepada kejayaan peniaga dan pengusaha kerana mereka adalah golongan penyumbang menerusi bayaran cukai serta kegiatan 'money circulation'.

"Golongan berkenaan turut mewujudkan peluang pekerjaan di samping menggerakkan ekonomi. Wang yang tidak bergerak tidak mendedangkan sebarang man-

faat kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis makan malam Perutusan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), di sini malam ini.

Mengenai kepentingan politik, Perdana Menteri berkata, keghairahan untuk berideologi, berpuak-puak serta bersikap fanatik terhadap pemimpin hendaklah tidak menjiskan ketenteraman dan kestabilan negara.

Menurutnya, rakyat perlu sedar bahawa 'politik untuk politik' adalah sia-sia kerana ia menjadi sebahagian faktor yang boleh 'destabilise' suasana politik negara.

"Pentadbir dan pengurus sama ada dalam kerajaan atau swasta perlu memahami kepentingan politik kerana menerusinya, kemajuan boleh dicapai walau kekurangan aset sekalipun.

"Mungkin perjuangan menstabilkan politik menyebabkan ada pihak tidak mendapat semua yang dituntut tetapi mendapat sebahagian yang elok adalah lebih baik daripada memperolehi semua yang sudah rosak.

"Ini kerana, walaupun, pengurus dan pentadbir tidak terbabit dalam poli-

LIHAT MUKA 2 ✓

Susunan hirarki penting dalam organisasi

DARI MUKA 1

...tik tetapi kesan daripada usaha dan urusan mereka dapat menentukan sama ada politik akan stabil atau tidak," katanya.

Mengenai Persyarikatan Malaysia, Perdana Menteri berkata, konsep itu diasaskan supaya kerajaan, pentadbir dan swasta bekerjasama di antara satu sama lain walaupun, kemungkinan berlaku penyelewengan.

"Jika fungsi swasta dalam pertumbuhan ekonomi diakui bermakna iklim perdagangan akan bertambah baik. Mungkin konsep ini semata-mata tidak membawa kejayaan tetapi ia tetap menjadi penggerak perubahan," katanya.

Mengulas kepentingan organisasi, Dr Mahathir berkata, Malaysia mencontohi organisasi Barat yang kenias sehingga membolehkan mereka menguasai, menakluki, serta dan mentadbir wilayah Afrika, Amerika dan Asia.

Sehubungan dengan itu, katanya, susunan hirarki organisasi berdisiplin adalah penting supaya pentadbir, pengurus serta kakitangannya mampu menangani sebarang permasalahan dan perubahan yang berlaku.

Dr Mahathir berasa bangga kerana setakat ini, hanya Malaysia antara negara di dunia yang mampu menunjukkan contoh menerusi pelaksanaan dasar yang mempunyai matlamat yang tetap dan tepat.

"Bagaimanapun, segala-galanya akan ditentukan oleh Tuhan tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh menentukan arah dan matlamat. Insya Allah jika kita betul-betul berusaha kita akan berjaya," katanya.